

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK [\(Versi Bahasa Inggeris\)](#)

Helaian Pendedahan Produk ini mengandungi maklumat umum tentang produk, yang tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.

Perniagaan dan Perbankan Korporat-i (BCB-i)

Produk Resit Amanah-i (TR-i)

Tarikh: / /

1. Apakah Resit Amanah-i (TR-i)?

Resit Amanah-i (TR-i) ialah kemudahan pembiayaan jangka pendek Islam dalam Ringgit Malaysia (MYR), yang mematuhi prinsip Syariah, yang membolehkan pembeli/pengimport untuk mengambil milikan barangan tersebut sementara Bank mengekalkan hak milik sah bagi barangan tersebut. Pembeli/pengimport memegang barang sebagai amanah untuk Bank dan bersetuju untuk membayar kepada Bank (prinsipal ditambah keuntungan) daripada hasil barangan yang dijual sebelum atau sebelum tarikh matang TR-i. TR-i direka khusus untuk pembiayaan modal kerja dan tidak boleh digunakan untuk membeli aset tetap seperti loji, jentera dan lain-lain. Harga jualan sebenar, tempoh pembiayaan dan tarikh matang akan ditentukan pada setiap pengeluaran /penggunaan produk ini. TR-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Pesanan Pembelian Murabahah (Murabahah Purchase Orderer (MPO)). MPO merujuk kepada satu pengaturan di mana pembeli pesanan (Pelanggan) berjanji (Wa'd) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan ditentukan daripada penjual (Bank) mengikut terma Murabahah (kos tambah nilai) setelah penjual memperoleh aset tersebut.

Kelebihan – Apa yang anda dapat daripada produk ini?

- Membolehkan anda mengambil alih barangan tanpa perlu menggunakan dana anda sendiri dengan segera.
- Pilihan penyelesaian awal tersedia dengan keuntungan dikira sehingga tarikh penyelesaian sahaja.
- Tingkatkan aliran tunai, dengan mempunyai masa tambahan untuk menukar barangan anda kepada tunai.
- Pembiayaan TR-i adalah dalam RM, dan margin pembiayaan yang layak adalah 100% dari nilai invoice atau sebahagiannya.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Harga

- Kadar Keuntungan (Profit Rate) ditetapkan pada Kadar Pembiayaan Islamik (IFR) + Tebaran (%) setahun.
- Komisen yang perlu ditanggung oleh Pelanggan adalah seperti di bawah

Jika dokumen dikemukakan terus oleh pelanggan		
Untuk bil dalam mata wang asing	• 0.10% rata • Min RM50.00 • Max RM150.00	Ini adalah tambahan kepada kadar yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
Untuk bil dalam mata wang tempatan	• 0.10% rata • Min RM50.00 • Max RM500.00	

Ilustrasi

- Nilai Bil.: RM600,000.00
- Komisen: $0.10\% \times RM600,000.00 = RM600.00$
- Memandangkan jumlah yang dikira (RM600.00) adalah lebih daripada caj maksimum RM500.00, bank akan mengenakan komisen maksimum sebanyak RM500.00.
- Harga jualan yang merangkumi caj keuntungan telah ditetapkan pada setiap pengeluaran yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan semasa seperti ilustrasi berikut:

Amaun/Had Kemudahan	:	RM 1,000,000.00
Amaun Penggunaan	:	RM 400,000.00
Tempoh	:	60 days
Kadar Keuntungan	:	9.0%
Harga Jualan	:	RM 405,917.81
Jumlah Keuntungan	:	RM 5,917.81

Anda juga perlu membayar yuran dan caj lain-lain, jika berkenaan, mengikut senarai penuh yuran dan caj kami yang diterbitkan di:

<https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html>



Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami harga dan terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian kemudahan dan/atau borang permohonan sebelum mengambil dan/atau menggunakan kemudahan tersebut.



Memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun anda untuk semua caj, keuntungan, caj pampasan, komisen penerimaan, kos atau perbelanjaan berkenaan dengan pengeluaran dan pembayaran TR-i.



Elakkan membiayai transaksi perdagangan yang sama menggunakan kemudahan lain dengan Bank kami atau bank lain.



Memastikan semua dokumen dikemukakan kepada Bank yang berkaitan dengan pembiayaan adalah tulen dan berkaitan dengan transaksi perdagangan sebenar



Sahkan bahawa barangan dan pihak bersekutu / rakan niaga yang berkaitan dengan transaksi perdagangan tidak dibenarkan/dilarang/terhad dan selaras dengan sifat perniagaan syarikat anda.



Maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Jika pembayaran tidak diterima daripada anda pada tarikh matang, transaksi tersebut akan ditukar kepada bil lewat tempoh.
2. Kemudahan TR-i dan kemudahan perdagangan berkaitan yang lain akan digantung serta-merta sebaik sahaja bil menjadi bil lewat tempoh
3. Caj Pampasan - Sekiranya anda gagal membayar balik obligasi pembayaran anda tepat pada masanya, anda akan dikenakan caj pampasan atau sebarang kadar lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- (a) Jika anda gagal membayar selepas tamat Tempoh Kemudahan, anda perlu membayar caj pampasan = Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") ke atas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);
- (b) Jika anda gagal membayar, menyebabkan Kemudahan ditamatkan dan dibawa ke mahkamah, caj pampasan akan dikenakan sebanyak = Sehingga 1% setahun ke atas baki tertunggak (Prinsipal tertunggak campur keuntungan terakru).
- (c) Bagi pembayaran ingkar selepas penghakiman mahkamah, caj pampasan = Kadar IIMM ke atas jumlah dasar penghakiman
(Nota: Caj pampasan dikira setiap hari & tidak boleh ditambah kepada Prinsipal tertunggak & tidak boleh lebih daripada Prinsipal tertunggak. Kaedah pengiraan dan kadar adalah tertakluk kepada perubahan seperti yang ditetapkan oleh BNM.)
4. Bank mungkin akan menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak TR-i, selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda
5. Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang:
 - i. Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalas notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas, dan anda perlu menanggung semua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas aset anda dijual.
 - ii. Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk melibatkan agensi kutipan hutang pihak ketiga), perampasan, dan prosiding kebangkrutan.)
 - iii. Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

Apakah Risiko Utama?

Anda mungkin terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing apabila belum terima atau pembayaran anda dalam mata wang asing, memandangkan pembiayaan TR-i didenominasikan dalam RM. Ini boleh dikurangkan dengan penyelesaian Tukaran Asing yang ditawarkan oleh Bank kami.

4. Terma Utama Lain

1. Bank akan memberi rebat (Ibra') untuk penyelesaian awal (separa/penuh). Formula rebat adalah seperti berikut:
Rebat (penyelesaian awal) = Lebihan keuntungan yang belum diterima

Nota:

- i. Lebihan keuntungan yang belum diterima = Jumlah Untung (-) Keuntungan Terakru
 - ii. Jumlah untung = Harga Jualan (-) Jumlah Pembiayaan
 - iii. Tiada yuran penyelesaian awal akan dikenakan
2. Perlindungan takaful berikut adalah disyorkan / diperlukan untuk diambil daripada panel Bank:
 - Perlindungan takaful yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas Pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan).
 - Takaful ke atas barangan (jika berkenaan).

Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

 Hubungi kami di: 03-7626 8899 / 03-7661 7777	 Lawati kami di: www.hlisb.com.my/bcbi	 E-mel kami di: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tel: 03 - 2616 7766 https://www.akpk.org.my/smehelpdesk
--	---	--	---

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh hubungi:

HLISB	BNMLINK
Advokasi Pelanggan Tel: 03-7626 8821 / 03-76268802 / 03-76268812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my	Tel: 1-300-88-5465 Luar Negara: 603-2174 1717 Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada 31 Disember 2025.